

**PRODUCT DISCLOSURE SHEET**

**PERINGATAN:** Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani dibawah. Sekiranya anda tidak jelas dengan sebarang terma dan syarat dalam Lembaran Penerangan Produk ini, anda dinasihatkan untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada staf, wakil atau ejen Bank sebelum menandatangani dibawah.

**VERSI BAHASA MALAYSIA**

Bank : **Affin Bank Berhad**  
Scheme : **Overdraft**

**Date of Issuance to Customer:**

\_\_\_\_\_  
(to be filled out upon application)

**1. Apa yang ditawarkan oleh produk ini?**

- Overdraft adalah kredit berpusingan yang tetap dan terbuka jika peminjam mengendalikan akaun secara memuaskan dan mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Affin Bank Berhad.
- Kemudahan pinjaman ini digunakan sebagai pembiayaan modal perniagaan dan memberi kelonggaran kepada peminjam untuk menggunakan dan membayar balik pada bila-bila masa melalui Akaun Semasa yang dikendalikan dengan pihak Bank.
- Kemudahan Overdraft mungkin akan bertentangan dengan cagaran yang diterima oleh pihak Affin Bank seperti hartanah, tanah dan deposit tetap.
- Kemudahan ini tertakluk kepada semakan berkala dan mengikut budi bicara pihak Bank sama ada boleh dipanggil semula atau ditamatkan atas permintaan.

**2. Apa yang saya dapat dari produk ini?**

- Caj kadar faedah untuk kemudahan Overdraft bergantung kepada Kadar Pinjaman Asas (BLR).
- Faedah dikira dari baki harian Overdraft (jumlah yang digunakan) dan akan tertera pada penyata bank pada akhir bulan. Berikut merupakan formula pengiraan kadar faedah:

Caj Faedah = Jumlah Digunakan x Kadar Faedah x Bilangan Hari / 365 Hari+ Yuran Komitmen

Contoh

<b>Had kemudahan diluluskan</b>	RM100,000
<b>Kadar faedah</b>	BLR + 2% p.a.
<b>Kadar Pinjaman Efektif</b>	8.81% p.a.
<b>Jumlah penggunaan</b>	RM20,000
<b>Jumlah hari yang digunakan</b>	30 hari
<b>Yuran komitmen</b>	1.0% setahun bagi jumlah yang tidak digunakan
<b>Faedah yang dikenakan pada bulan tersebut</b>	Kadar Efektif bagi jumlah yang digunakan (RM20,000 x 8.81% setahun x 30/365) = RM144.82 Yuran Komitmen (RM80,000 x 1.0% x 30/365) = RM65.75 Jumlah = RM210.57

**Nota:**

- Semua diatas adalah untuk tujuan **ILUSTRASI** sahaja
- BLR adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan BLR semasa adalah 6.81% setahun
- Faedah dikira berdasarkan pada kiraan harian

**3. Apakah kewajipan saya?**

- Anda diwajibkan untuk membayar faedah bulanan.
- Kemudahan Overdraft ini tertakluk kepada semakan berkala. Oleh itu, jumlah keseluruhan Overdraft yang belum dijelaskan (jumlah prinsipal ditambah caj faedah) perlu dibayar dengan serta-merta selepas kemudahan ditarik oleh pihak Bank.

**Penting:**

Kadar ansuran bulanan anda dan kadar pembayaran balik akan berubah jika terdapat perubahan pada BLR

Kadar	BLR hari ini (BLR = 6.81% setahun)	Jika BLR naik 1%	Jika BLR naik 2%
BLR	6.81%	7.81%	8.81%
Kadar Pinjaman Efektif	8.81%	9.81%	10.81%
Caj Faedah Bulanan	RM144.82	RM161.26	RM177.70
Yuran Komitmen	RM65.75	RM65.75	RM65.75
Jumlah Faedah dikenakan pada bulan tersebut	RM210.57	RM227.01	RM243.45

- Semua di atas adalah untuk tujuan **ILUSTRASI** sahaja
- Faedah dikira di atas kiraan harian
- Terma dan syarat seperti Surat Tawaran

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**
**Jenis Yuran / Caj**

- Duti Setem  
Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (Semakan 1989) dan akan ditanggung oleh Pelanggan.
- Yuran Guaman  
Yuran Guaman terhadap peguamcara akan ditanggung oleh Pelanggan.
- Yuran Komitmen  
1.0% setahun bagi jumlah yang tidak digunakan.
- Yuran Kemudahan / Yuran Semakan Tahunan / Yuran Lain  
Tiada yuran dikenakan ke atas pelanggan SME.  
Sehingga 5.0% limit yang diluluskan akan dikenakan caj kepada Pelanggan Komersial.

**5. Bagaimana bayaran akan dibuat?**

- Kemudahan overdraf hendaklah disediakan dengan menandakan had yang diluluskan ke Akaun Semasa anda dengan pihak Bank.
- Sila pastikan kemudahan Overdraf digunakan setiap masa pada had yang diluluskan.
- Semua dokumen yang berkenaan dengan pembukaan akaun akan di sediakan dan ditandatangani oleh pemimjam termasuk (tetapi tidak terhad kepada perakuan Akta Pematuhan Cukai Akaun Luar Negeri (FATCA) / Standard Laporan Deklarasi (CRS).

**6. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi syarat yang diperuntukan?**

Syarat	Keterangan
Faedah Lewat Bayar	Sekiranya pembayaran ansuran dan faedah selepas tamat tarikh tempoh, caj lewat bayar sebanyak 1.0% setahun akan dikenakan untuk caj bayaran lewat / pembiayaan ansuran untuk tempoh bayaran lewat. Pihak Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun Pelanggan secara automatik untuk pembiayaan faedah kelewatan.
Kadar Keingkar	Sekiranya terdapat keingkar terhadap pinjaman kemudahan, pihak bank berhak mengenakan caj kadar faedah BLR + 3.5% setahun atau kadar lain dari semasa ke semasa ke atas keseluruhan jumlah tertunggak, melainkan dinyatakan sebaliknya terma ini akan dikenakan dengan pemberian notis 21 hari kalendar secukupnya kepada Pelanggan.
Hak untuk memulakan pemulihan atau tindakan undang-undang	Tindakan undang-undang akan diambil ke atas anda dan penjamin, jika gagal memberi maklum balas pada notis peringatan.  Tindakan undang-undang yang diambil ke atas anda dan penjamin boleh mempengaruhi penarafan kredit dan membuatkan penarafan kredit anda lebih sukar dan mahal.  Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pemulihan (termasuk berurusan dengan agensi kutipan hutang) prosiding dan mufliis.

**7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- Tiada tempoh matang bagi kemudahan Overdraf.
- Sekiranya anda ingin membatalkan kemudahan Overdraf anda, pembiayaan sepenuhnya boleh dibuat melalui notis bertulis kepada pihak Bank bersama baki pembayaran balik Overdraf dan faedah.
- Tiada penalti dikenakan bagi pembatalan limit yang diluluskan jika baki Overdraf dan faedah diselesaikan.

**8. Adakah saya perlu melanggan perlindungan insurans?**

- Adalah digalakkan pengambilan insurans hayat bagi pengarah / pemilik / penjamin / pemegang saham dengan rangkaian pilihan Insurans yang disyorkan oleh Bank.
- Walau bagaimanapun, anda bebas untuk menggunakan perkhidmatan dari mana-mana syarikat Insurans pilihan anda yang menawarkan perlindungan yang memadai atas risiko-risiko seperti yang mungkin diperlukan dan ditentukan oleh pihak Bank.

**9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan saya?**

- Sila hubungi Pengurus Perhubungan di Pusat Perniagaan atau Saluran Langsung dimana pinjaman didaftarkan.

**10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda diminta mengisi borang "Borang Maklum Balas" yang boleh didapati di laman sesawang [Affinalways.com](http://Affinalways.com) yang akan dihantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi pihak Bank di:

**Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi**  
**Tingkat 9, Menara Affin,**  
**Lingkaran TRX,**  
**Tun Razak Exchange,**  
**55188 Kuala Lumpur**  
**Telefon** : 03-8230 2222  
**E-mel** : [yourvoice@affingroup.com](mailto:yourvoice@affingroup.com)  
**Laman Web** : [www.AffinAlways.com](http://www.AffinAlways.com)  
[www.affingroup.com](http://www.affingroup.com)

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**  
**Tingkat 5 and 6,**  
**Menara Aras Jaya,**  
**(Dahulu dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce),**  
**Jalan Raja Laut,**  
**50350 Kuala Lumpur.**  
**Telefon** : 03-2616 7766  
**Faks** : 03-2616 7601  
**E-mel** : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)  
**Waktu Urusan** : 9:00 a.m. – 5:00 p.m.  
(Isnin – Jumaat)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia Link atau Telelink di:

**BNM Link,**  
**Bank Negara Malaysia**  
**Peti Surat 10922**  
**50929 Kuala Lumpur**  
**Telefon** : 1-300-88-5465  
**Faks** : 03-21741515  
**E-LINK** : <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

#### 11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila hubungi cawangan AFFIN Bank berdekatan anda atau Pusat Perniagaan atau Saluran Langsung atau layari [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com) untuk maklumat lebih lanjut.

#### 12. Pakej lain yang ditawarkan?

- Sila berhubung dengan Pengurus Perhubungan berkenaan atau sila lawati mana-mana cawangan Bank atau Pusat Perniagaan atau layari laman web kami di [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com) untuk maklumat lebih lanjut.

**NOTA PENTING:**  
**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR PEMBIAYAAN ANDA.**

*Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari 08 Mei 2023*

Saya / Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya / kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya / kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
No Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_